



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN

SISTEM KAWALAN KESELAMATAN
BAYI DI HOSPITAL-HOSPITAL
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

EDISI KEDUA

BAHAGIAN PERKEMBANGAN PERUBATAN



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN

SISTEM KAWALAN KESELAMATAN

BAYI DI HOSPITAL-HOSPITAL

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

EDISI KEDUA

BAHAGIAN PERKEMBANGAN PERUBATAN

GARIS PANDUAN
SISTEM KAWALAN KESELAMATAN BAYI DI HOSPITAL-HOSPITAL
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Garis Panduan Sistem Kawalan Keselamatan Bayi Di Hospital-Hospital
Kementerian Kesihatan Malaysia
Edisi Kedua

telah diterbitkan oleh

Unit Perkhidmatan O&G dan Pediatrik
Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

dengan kerjasama

Jawatankuasa Pengurusan dan Perkembangan O&G
Kementerian Kesihatan Malaysia
(JPPOBG)

www.moh.gov.my

Diterbitkan pada Mac 2024

Rekod katalog Garis Panduan ini boleh didapati di Institut Penyelidikan Perubatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia;
MOH/P/PAK/517.23(GU)-e

Hak cipta terpelihara

Sebarang helaian atau halaman di dalam cetakan ini tidak boleh diterbitkan semula
atau diedarkan dalam apa jua bentuk, atau disimpan dalam pangkalan data tanpa
kebenaran secara bertulis daripada Kementerian Kesihatan Malaysia

KANDUNGAN

KATA-KATA ALUAN

- Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia 4
- Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan 5

OBJEKTIF 6

LATAR BELAKANG 6

GARIS PANDUAN KAWALAN KESELAMATAN BAYI DI HOSPITAL- HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA 7

3.1 PROSES TAGGING 7

- A. Sebelum Kelahiran 7
- B. Semasa Kelahiran 8
- C. Selepas Kelahiran 9
- D. Proses Discaj Bayi 12

3.2 KAWALAN KESELAMATAN 16

- A. Penggunaan kad / pas lawatan (untuk wad neonatal) 16
- B. Kawasan yang memerlukan kawalan keselamatan 16
- C. Kerjasama dari kakitangan hospital 17

Carta Aliran Pemasangan Tag Ibu Dan Bayi Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia 18

Carta Aliran Pemetongan Tag Ibu Dan Bayi Bagi Prosedur Discaj Bayi Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia 20

LAMPIRAN A - Sistem Maklumat Pengurusan Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia - Buku Daftar Bersalin 22

LAMPIRAN B - Orientasi Wad Paediatrik dan Wad Obstetrik 25

LAMPIRAN C - Senarai Semak Sistem Kawalan Keselamatan Bayi Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia Untuk Pengawal Keselamatan 26

Kumpulan Kerja Garis Panduan Sistem Kawalan Keselamatan Bayi Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia Edisi Kedua 27

PENGHARGAAN 28

GARIS PANDUAN

SISTEM KAWALAN KESELAMATAN BAYI DI HOSPITAL-HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Kata-Kata Aduan

KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Garis Panduan Sistem Kawalan Keselamatan Bayi di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan (KKM) Edisi Pertama telah diterbitkan pada tahun 2007 untuk memastikan keselamatan bayi-bayi yang dilahirkan di hospital-hospital KKM terjamin. Garis Panduan ini memfokuskan tatacara *tagging* bayi semasa kelahiran dan aspek-aspek keselamatan yang perlu dipatuhi sebelum bayi-bayi tersebut dibenarkan untuk dibawa keluar dari hospital-hospital KKM.



Garis Panduan Edisi Kedua ini telah dikemaskini untuk memantapkan lagi kawalan keselamatan bayi-bayi yang dilahirkan di hospital-hospital KKM. Garis Panduan ini meliputi beberapa perkara iaitu:

- Proses *tagging* yang meliputi penyediaan tag nama sebelum kelahiran dan pemasangan tag nama pada bayi selepas dilahirkan.
- Proses discaj bayi yang meliputi pemeriksaan dan penyemakan oleh pengawal di kaunter pintu utama dan pemotongan tag nama pada bayi apabila sampai di rumah.
- Kawalan keselamatan termasuk penggunaan kad lawatan, sistem kawalan keselamatan dan pengawal keselamatan.

Sehubungan itu, dengan adanya pengemaskinian Garis Panduan ini dan pematuhan oleh kakitangan di hospital-hospital KKM maka keselamatan bayi-bayi yang dilahirkan di hospital-hospital KKM akan lebih terpelihara.

DATUK DR MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
KETUA PENGARAH KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN

SISTEM KAWALAN KESELAMATAN BAYI DI HOSPITAL-HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Kata-Kata Muan

PENGARAH PERKEMBANGAN PERUBATAN BAHAGIAN PERKEMBANGAN PERUBATAN

Program Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa komited dalam menjamin keselamatan pesakit di hospital-hospital KKM selaras dengan *Malaysian Patient Safety Goals 2.0*.

Pengenalan diri pesakit merupakan salah satu daripada langkah-langkah bagi menjamin keselamatan pesakit terutamanya bayi-bayi yang dilahirkan di hospital-hospital



KKM. Sehubungan dengan itu, pada tahun 2007, Unit Perkhidmatan Obstetrik & Ginekologi dan Pediatrik, Bahagian Perkembangan Perubatan telah menerbitkan Garis Panduan Sistem Kawalan Keselamatan Bayi Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia Edisi Pertama dengan menfokuskan penggunaan tag nama bayi, proses discaj bayi dan kawalan keselamatan di hospital KKM.

Garis Panduan yang sama telah melalui proses pengemaskinian pada tahun 2022 oleh Unit Perkhidmatan Obstetrik & Ginekologi dan Pediatrik dengan kerjasama Jawatankuasa Pengurusan dan Perkembangan Obstetrik & Ginekologi KKM (JPPOBG). Pindaan yang telah dibuat adalah bersesuaian dengan situasi semasa.

Saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Unit Perkhidmatan Obstetrik & Ginekologi dan Pediatrik serta JPPOBG atas penerbitan Garis Panduan Sistem Kawalan Keselamatan Bayi Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia Edisi Kedua ini.

Saya berharap dengan pengemaskinian garis panduan ini dan pematuhannya oleh kakitangan di hospital-hospital KKM dapat menjamin keselamatan bayi-bayi yang dilahirkan di hospital-hospital KKM.

DATO' DR MOHD AZMAN BIN YACOB
PENGARAH PERKEMBANGAN PERUBATAN
BAHAGIAN PERKEMBANGAN PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

OBJEKTIF



Menyediakan panduan untuk sistem kawalan keselamatan bayi di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) termasuk memastikan keselamatan bayi di wad terjamin, tiada kehilangan atau penukaran bayi berlaku sepanjang bayi berada di dalam wad sehingga discaj.

LATAR BELAKANG



Hospital-hospital di Kementerian Kesihatan Malaysia perlu memberi perhatian kepada keselamatan bayi semasa berada di wad.

Sebelum ini, hospital-hospital KKM telah mempunyai polisi keselamatan khas untuk bayi yang dimasukkan ke hospital sehingga bayi dibawa balik dari hospital. Namun begitu, isu kehilangan bayi atau pertukaran bayi ini masih juga berlaku di beberapa hospital KKM sebelum ini.

Sehubungan dengan itu, Garis Panduan ini telah dikaji dan dimantapkan lagi dalam usaha untuk memastikan keselamatan bayi ini terjamin.

Polisi ini merangkumi tugas dan tanggungjawab anggota yang terlibat dalam penjagaan bayi. Di antaranya adalah:

1. Memastikan pintu wad sentiasa berkunci dan dikawal.
2. Memastikan ibu-ibu yang mengiringi bayi di wad memaklumkan kepada jururawat sebelum meninggalkan bayi untuk sebarang urusan.
3. Memastikan borang pengenalan bayi ditandatangani oleh ibu bapa yang sah sahaja semasa discaj.
4. Pemeriksaan tag oleh anggota yang menguruskan discaj bayi.
5. Semua bayi yang discaj hendaklah melalui kaunter pengawal keselamatan untuk penyemakan dan pemeriksaan.

Semua pegawai serta anggota juga diarah untuk sentiasa berwaspada terhadap individu yang mencurigakan.

GARIS PANDUAN KAWALAN KESELAMATAN BAYI DI HOSPITAL-HOSPITAL KKM



3.1 PROSES TAGGING

Proses tagging pada bayi hendaklah dibuat seurus bayi dilahirkan dan hendaklah **dikekalkan** sehingga bayi dibawa pulang.

Pemasangan tag nama dibuat untuk semua kelahiran hidup dan kelahiran mati.

Proses pemasangan tag nama untuk kelahiran hidup menggunakan garis panduan seperti berikut:

A. SEBELUM KELAHIRAN

(Rujuk kepada lampiran carta aliran)

1. Terima maklumat kemasukan dan status ibu dari Kaunter Pendaftaran Kecemasan, Kaunter Pendaftaran Pesakit Dalam dan *Patient Assessment Centre (PAC)*. Semua kemasukan ibu ke Wad Bersalin dipakaikan tag nama yang diperolehi dari Pejabat Daftar Masuk.

MRN :
NAMA IBU :

2. Tag nama sementara untuk bayi disediakan dan sentiasa dikepulkan bersama laporan perubatan ibu.

B/O :
D.O.B :
Masa Kelahiran :
Jantina Bayi :

3. Persediaan dokumen bagi pendaftaran dan pemberitahu kelahiran disediakan:
 - a. Borang Daftar Kelahiran ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN.LM01).
 - b. Borang pengesahan kelahiran bagi tujuan pemberitahuan Jabatan Kesihatan/Klinik Kesihatan.
 - c. Lain-lain keperluan seperti borang pemeriksaan darah dan *1st Feeding Chart*.
 - d. Satu unit tag nama sementara untuk dipakaikan kepada bayi yang akan lahir.

4. Untuk ibu yang perlu menjalani pembedahan Caesarean, pengesahan nama akan dibuat di hadapan ibu semasa ibu di dewan bedah iaitu sebelum ibu diletakkan dibawah anaesthesia.

B. SEMASA KELAHIRAN

(Rujuk kepada lampiran carta aliran)

1. Semasa kelahiran:
 - a. Kelahiran disambut oleh pegawai perubatan / anggota kebidanan bertauliah / pelatih dibawah jagaan.
 - b. Tali pusat bayi dipotong.
 - c. Jika bayi tiada masalah, terus tunjukkan jantina bayi pada ibu dan disahkan oleh ibu jantina bayinya.
 - d. Keringkan bayi dan terus diletakkan dalam pelukan ibu secara kulit ke kulit dan selimutkan bayi dan ibu bersama.
 - e. Tunjuk dan pasang tag nama sementara pada pergelangan kaki bayi dengan serta merta dihadapan ibu.
 - f. Mulakan penyusuan susu ibu sejurus selepas kelahiran.

2. Pemasangan tag nama sementara juga dilakukan kepada kelahiran mati selepas bayi ditunjukkan kepada ibu dan/atau bapa.

C. SELEPAS KELAHIRAN

(Rujuk kepada lampiran carta aliran)

1. Lakukan *Top & Tail* kepada bayi setelah lahir dan maklumkan kepada ibu bahawa bayinya akan diberi suntikan Hepatitis B dan suntikan Vitamin K.
2. Beri suntikan Hepatitis B dan suntikan Vitamin K.

Bagi hospital yang mempunyai Hospital Information System (HIS), pendaftaran bayi hendaklah didaftarkan ke dalam aplikasi Newborn Registration. Manakala bagi hospital yang tidak mempunyai Hospital Information System (HIS), pendaftaran bayi perlu didaftarkan ke dalam buku daftar bersalin PER-PD 102 dan pendaftaran bayi ini tidak dimasukkan ke dalam Borang Daftar Kemasukan Hospital PER-PD 301. – Rujuk Lampiran A.

RN (BAYI)	:
B/O	:
D.O.B	:
Masa Kelahiran	:
Jantina Bayi	:

[Pendaftaran ke dalam PER-PD 102 tidak akan melibatkan penambahan statistik ke Disiplin Paediatrik kerana ianya tidak melibatkan pendaftaran ke dalam Borang Daftar Kemasukan (PER-PD 301)]

3. Keluarkan tag nama bayi yang telah dicetak/ditulis baru mengikut jantina bayi dan dipasangkan semula pada pergelangan kaki bayi dan tag nama sementara ditanggalkan.
4. Pasangkan tag ibu yang baru yang mengandungi tarikh dan masa kelahiran serta jantina bayi.

GARIS PANDUAN

SISTEM KAWALAN KESELAMATAN BAYI DI HOSPITAL-HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

5. Bantu ibu meneruskan penyusuan susu ibu dan jika bayi tiada masalah, ibu dan bayi dipindahkan ke Wad Postnatal.

6. Bagi bayi yang mengalami Asfiksia:
 - i. Bayi terus dibawa ke ruang resusitasi selepas dilahirkan dan maklumkan kepada ibu bahawa bayi memerlukan bantuan segera.
 - ii. Pasangkan tag nama sementara pada pergelangan kaki bayi.
 - iii. Lakukan resusitasi untuk bayi.
 - iv. Beritahu ibu/suami/waris keadaan bayi.
 - v. Lakukan pendaftaran segera bayi baru lahir melalui aplikasi *Newborn Registration* dalam komputer.
(Biru – lelaki, Pink – perempuan)
 - vi. Keluarkan tag nama bayi yang telah dicetak dan pasang semula pada pergelangan kaki bayi dan tag nama sementara ditanggalkan.
 - vii. Beritahu Jururawat Terlatih NICU tentang keadaan dan kemasukan bayi.
 - viii. Masukkan bayi ke NICU seperti yang diarahkan oleh Pakar/Pegawai Perubatan/Pegawai Perubatan Siswazah.

7. Rekod dalam:
 - i. Borang Daftar Kelahiran ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN.LM01).
 - ii. Borang pengesahan kelahiran bagi tujuan pemberitahuan Jabatan Kesihatan/Klinik Kesihatan.
 - iii. Borang *1st Feeding Chart*.

8. Sebelum ibu dan bayi yang tiada masalah dipindahkan ke wad postnatal, bayi diperiksa dan disahkan betul berpandukan kepada dokumen-dokumen berikut:
 - i. Borang kemasukan bayi.
 - ii. Kad pengenalan ibu / passport.
 - iii. Kad antenatal KIK 1(a)/96.
 - iv. Tag nama pada ibu dan bayi.

GARIS PANDUAN

SISTEM KAWALAN KESELAMATAN BAYI DI HOSPITAL-HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

9. Tag nama pada ibu dan tag nama pada bayi akan dipastikan betul semasa penyerahan ibu dan bayi ke wad postnatal.
10. Sepanjang kemasukan sehingga ibu dan bayi discaj, kedua-dua tag nama sentiasa terpasang.
11. Orientasi akan diberi kepada ibu/bapa bayi dan ibu/bapa akan menurunkan tandatangan di dalam borang pengenalan bayi. Jika ibu/bapa tiada bersama, seperti di wad NICU, pastikan jururawat memberi orientasi kepada ibu/bapa pada lawatan pertama. Kandungan orientasi adalah seperti dalam Lampiran B.
12. Untuk bayi dari luar hospital, tag nama disediakan berdasarkan dokumen-dokumen pada para C8.



D. PROSES DISCAJ BAYI

1. Semasa discaj, pemeriksaan hendaklah dibuat oleh Jururawat Terlatih/Jururawat Masyarakat yang menguruskan discaj berpandukan:
 - i. Kad pengenalan ibu
 - ii. Kad antenatal KIK 1(a)/96 (jika ada)
 - iii. Kad KKK 1/93P atau KKK 1/93L
 - iv. Tag bayi dan borang pendaftaran masuk bayi (untuk wad neonatal)
2. Jururawat Terlatih/Jururawat Masyarakat akan menyediakan Borang Pengenalan Discaj Bayi untuk semakan pengawal di pintu keluar.

Borang Pengenalan Discaj Bayi Untuk Semakan Pengawal

Wad :

B/O :

No. Daftar Bayi :

No. Daftar Ibu :

Jantina :

Alamat :

Tarikh :

Masa :

Nama Jururawat :

Tandatangan Jururawat :

3. Ibu bapa/waris yang akan membawa bayi keluar dari wad akan menurunkan tandatangan dalam buku rekod dan mengisi maklumat lain iaitu:
 - i. Tarikh
 - ii. Masa keluar
 - iii. Wad
 - iv. No. Daftar Bayi
 - v. Nama Ibu
 - vi. Nombor Kad Pengenalan Ibu
 - vii. Alamat
 - viii. Nama Waris
 - ix. Tandatangan Ibu
 - x. Tandatangan Jururawat
 - xi. Pengesahan oleh Jururawat Terlatih/Jururawat Masyarakat/Ketua Jururawat/Pegawai Perubatan yang bertugas.

4. Jururawat Terlatih/Jururawat Masyarakat akan memberi arahan supaya ibu/bapa/waris menunjukkan Borang Pengenalan Discaj Bayi untuk semakan pengawal di pintu wad dan pengawal di pintu utama bangunan hospital. Bagi bayi yang ibu bapanya tiada, penjaga yang sah mesti mendapat kebenaran bertulis dari Pegawai Kebajikan atau Pengarah Hospital sebelum bayi dibenarkan dibawa pulang.

5. Pengawal bertugas di **pintu keluar wad** akan menyemak: (lampiran C)
 - i. Nama ibu di kad antenatal KIK 1(a)/96
 - ii. Kad pengenalan ibu
 - iii. Borang Pengenalan Discaj Bayi
 - iv. Tag nama pada bayi adalah sepadan dengan di dalam Borang Pengenalan Discaj Bayi

GARIS PANDUAN

SISTEM KAWALAN KESELAMATAN BAYI DI HOSPITAL-HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

6. Di pintu keluar wad, pengawal akan meminta ibu bapa/waris untuk menurunkan tandatangan dalam buku rekod yang mengandungi beberapa maklumat lain iaitu:
 - i. Tarikh
 - ii. Masa keluar
 - iii. Wad
 - iv. No. Daftar Bayi
 - v. Nama Bapa
 - vi. Nama Ibu
 - vii. No. Kad Pengenalan Ibu
 - viii. Tandatangan Ibu

7. Pemeriksaan dan penyemakan terakhir akan dibuat oleh pengawal di kaunter **pintu utama**. [Ibu bapa perlu diberi penerangan mengenai prosedur ini]. Pengawal akan menyemak:
 - i. Nama ibu di kad antenatal KIK 1(a)/96
 - ii. Kad pengenalan ibu / passport
 - iii. Borang Pengenalan Discaj Bayi
 - iv. Tag nama pada ibu
 - v. Tag nama bayi

Borang Pengenalan Discaj Bayi akan disimpan oleh pengawal di kaunter pintu utama sehingga dipungut oleh Jururawat Terlatih / Jururawat Masyarakat.

8. Ibu bapa/waris akan menurunkan tandatangan dalam buku rekod dan mengisi maklumat seperti berikut:
 - i. Tarikh
 - ii. Masa keluar
 - iii. Wad
 - iv. Nombor Daftar Bayi
 - v. Nama Ibu
 - vi. Nombor Kad Pengenalan Ibu
 - vii. Alamat
 - viii. Nama Waris
 - ix. Tandatangan Ibu
 - x. Tandatangan Jururawat
 - xi. Pengesahan oleh Jururawat Masyarakat / Jururawat Terlatih / Ketua Jururawat / Pegawai perubatan yang bertugas.

9. Pastikan tag nama ibu dan bayi dipakai sehingga sampai ke rumah dan pemotongan tag nama hanya dilakukan oleh ibu bapa apabila bayi dan ibu sampai di rumah.

10. Audit akan dibuat setiap hari oleh Ketua Jururawat atau wakil wad berkenaan untuk memastikan senarai discaj di buku rekod pintu utama adalah betul dan semua bayi yang keluar hospital telah diperiksa oleh pengawal.

11. Sesiapa yang menuntut jenazah bayi akan melalui proses yang sama seperti di atas.

3.2 KAWALAN KESELAMATAN

A. Penggunaan kad / pas lawatan

(untuk wad neonatal)

1. Pas lawatan
 - i. 2 pas untuk 1 bayi sahaja dan hanya dikeluarkan untuk ibu / bapa sahaja.
 - ii. Penggunaan pas ini adalah wajib untuk setiap ibu / bapa.
 - iii. Untuk bayi yang dirawat di NICU untuk satu jangka masa yang lama.
 - iv. Pas pelawat yang dikeluarkan untuk ibu / bapa itu perlulah diperbaharui setiap minggu.
2. Semua bayi tidak dibenarkan dibawa keluar dari bangunan hospital melainkan melalui pintu utama bangunan.
3. Hanya satu pintu wad dibuka pada satu-satu masa. Pintu lain akan dibuka bila berlaku kecemasan. Pintu belakang wad (pintu rintangan api) dikunci sepanjang masa. Kunci itu akan disimpan di dalam bekas kaca di sebelah pintu tersebut.
4. Pintu utama akan dikunci selepas jam 10 malam. Pengawal keselamatan akan sentiasa berada di depan pintu utama.

B. Kawasan yang memerlukan kawalan keselamatan

1. Beberapa kawasan di hospital telah dikenalpasti sebagai kawasan yang memerlukan kawalan keselamatan iaitu di pintu masuk wad obstetrik dan wad paediatric yang menempatkan *neonatal intensive care unit (NICU)* dan nurseri untuk memantau kemasukan orang yang tidak berkenaan.
2. Pengawal keselamatan perlulah sentiasa diberi taklimat tentang kerja yang perlu dilaksanakan.
3. Pengawal keselamatan yang berada di wad neonatal dan postnatal perlu merekod setiap pelawat yang keluar dan masuk dari wad-wad berkenaan.

Selain daripada itu, terdapat beberapa jenis sistem kawalan keselamatan telah dikenalpasti dan hospital boleh menggunakan budi bicara sendiri untuk menentukan keperluan masing-masing. Diantaranya ialah:

1. Jeriji besi

Jeriji besi ini perlu dipasang di pintu dan tingkap untuk bangunan hospital lama yang berada di tingkat bawah bangunan

2. Sistem kawalan pintu masuk elektronik / digital

Pintu ini hanya boleh dibuka dari dalam oleh kakitangan bertugas sahaja. Ibu / bapa perlulah memperkenalkan diri terlebih dahulu melalui sistem *intercom* diluar sebelum pintu dibuka.


3. CCTV (*Closed Circuit TV*)

Penyediaan sistem ini adalah terpulang kepada budi bicara pihak hospital. Ia dipasang dipintu keluar masuk wad obstetrik dan NICU/ wad neonatal.

C. Kerjasama dari kakitangan hospital

1. Garis Panduan atau maklumat-maklumat perlu diberi kepada pesakit-pesakit mengenai keselamatan dan pengenalan anggota-anggota hospital yang merawat mereka dan bayi mereka. Manakala sistem pengenalan diri anggota-anggota hospital perlu dikemaskinikan.
2. Pihak pentadbiran mestilah selalu memastikan bahawa segala 'Garis Panduan Keselamatan Bayi' dipatuhi sepenuhnya oleh semua anggota disamping meningkatkan sifat / sikap bertanggungjawab (*accountability*).
3. Anggota penyeliaan di dalam wad hendaklah memastikan hanya anggota yang perlu sahaja terlibat dalam pengendalian bayi.


CARTA ALIRAN PEMASANGAN TAG IBU DAN BAYI DI HOSPITALHOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



GARIS PANDUAN
SISTEM KAWALAN KESELAMATAN BAYI DI HOSPITAL-HOSPITAL
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



CARTA ALIRAN PEMOTONGAN TAG IBU DAN BAYI BAGI PROSEDUR DISCAJ BAYI DI HOSPITAL-HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



GARIS PANDUAN
SISTEM KAWALAN KESELAMATAN BAYI DI HOSPITAL-HOSPITAL
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



Pengawal di pintu keluar utama hospital akan menyemak:

- 1. Nama ibu di kad antenatal KIK 1(a)/96**
- 2. Kad pengenalan / pasport ibu**
- 3. Borang Pengenalan Discaj Bayi**
- 4. Tag nama ibu**
- 5. Tag nama bayi**

Ibu/bapa/waris akan menurunkan tandatangan dalam buku rekod di kaunter pintu keluar utama hospital

Pengawal di pintu keluar utama hospital akan menyimpan Borang Pengenalan Discaj Bayi sehingga dipungut oleh Jururawat Terlatih / Jururawat Masyarakat

Ibu dan bayi akan memakai tag nama sehingga pulang ke rumah

Ibu/bapa/waris akan memotong tag nama ibu dan bayi setelah sampai di rumah

SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN KESIHATAN **KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

BUKU DAFTAR BERSALIN

A. Garispanduan Am Mengenai Buku Daftar

1. Tujuan buku daftar ini adalah untuk menyelenggara rekod semua kelahiran di Unit Bersalin Hospital.
2. Punca data untuk dimasukkan ke dalam Buku Daftar ini termasuklah:
 - i. Nota kes pesakit
 - ii. Kad Pengenalan Pesakit
 - iii. Kad Kedatangan sebelum lahir dan sebagainya
3. Buku Daftar ini adalah tanggungjawab Ketua Jururawat y/m Bilik Bersalin.
4. Buku Daftar ini hendaklah disimpan dalam Bilik Bersalin dan diisi oleh jururawat/bidan yang mengendalikan kes selepas tiap-tiap kelahiran.
5. Buku Daftar ini hendaklah digunakan tiap-tiap hari dan muka surat yang baru digunakan pada awal tiap-tiap bulan.
6. Buku Daftar ini hendaklah disimpan dengan selamat di Pejabat Rekod Hospital sekurang-kurangnya 7 tahun sebelum dipindahkan ke Jabatan Arkib Negara. Ini akan digunakan sebagai asas untuk mendapatkan laporan berkala dan sebagai rujukan di masa akan datang.

***Rujuk Buku Daftar Bersalin PER-PD 102 (Pind. 1/2016)**

GARIS PANDUAN

SISTEM KAWALAN KESELAMATAN BAYI DI HOSPITAL-HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

LAMPIRAN A

BORANG DAFTAR MASUK DAN KELUAR HOSPITAL

PER-PD 301 (Pind. 1/2016)

1 GELARAN 2 NAMA PENUH : NAMA LAIN (jika ada) :		3 NOMBOR PENDAFTARAN : 4 NOMBOR PENDAFTARAN KLUSTER: 5 MEDICAL RECORD NUMBER (MRN) : 6 KES POLIS : <input type="checkbox"/> YA <input type="checkbox"/> TIDAK		
7 ALAMAT TERKINI : ALAMAT SEPERTI DI KAD PENGENALAN :		8 JENIS PENGENALAN DIRI : _____ NOMBOR PENGENALAN DIRI : _____ HUBUNGAN DENGAN PEMILIK KAD (JIKA ADA) : _____ 9 TARIKH LAHIR : _____ 10 UMUR : _____		
11 NO. TELEFON : BIMBIT : RUMAH : PEJABAT :	12 JANTINA : <input type="checkbox"/> LELAKI <input type="checkbox"/> PEREMPUAN <input type="checkbox"/> RAGU	13 TAHAP PENDIDIKAN :	14 PENDAPATAN BULANAN ISI RUMAH (RM) :	15 WARGANEGARA (Nyatakan) <input type="checkbox"/> YA (Kumpulan Ethnik) : _____ <input type="checkbox"/> TIDAK (Kerakyatan) _____ NEGARA ASAL : _____ NEGARA TEMPAT KEDIAMAN : _____ BANDAR NEGARA TEMPAT KEDIAMAN : _____
16 TARAF PERKAHWINAN : <input type="checkbox"/> BUJANG <input type="checkbox"/> BERKAHWIN <input type="checkbox"/> DUDA/ BALU <input type="checkbox"/> JANDA <input type="checkbox"/> LAIN-LAIN 17 AGAMA : 18 PEKERJAAN SEKTOR : _____ NYATAKAN : _____ 19 BERAT BADAN : _____ KG 20 TINGGI : _____ CM BMI : _____ 21 EMAIL :	22 NAMA PENUH WARIS : NAMA LAIN WARIS : 25 WARGANEGARA (Nyatakan) <input type="checkbox"/> YA (Kumpulan Ethnik) : <input type="checkbox"/> TIDAK (Kerakyatan) : NEGARA ASAL : NEGARA TEMPAT KEDIAMAN : BANDAR NEGARA TEMPAT KEDIAMAN : 26 HUBUNGAN KEKELUARGAAN :		23 JENIS PENGENALAN DIRI WARIS : _____ NOMBOR PENGENALAN DIRI WARIS : _____ HUBUNGAN DENGAN PEMILIK KAD (JIKA ADA) : _____ 24 ALAMAT TERKINI WARIS : ALAMAT SEPERTI DI KAD PENGENALAN WARIS : 27 NO TELEFON WARIS BIMBIT : RUMAH : PEJABAT :	
28 PUNCA RUJUKAN : 13 (Jika Rujukan Dalam)		(Jika Rujukan Luar) <input type="checkbox"/> KLINIK KESIHATAN : _____ TARIKH SURAT RUJUKAN : _____ <input type="checkbox"/> HOSPITAL KERAJAAN : _____ PINDAH : <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> HOSPITAL SWASTA : _____ <input type="checkbox"/> KLINIK SWASTA : _____ <input type="checkbox"/> LAIN-LAIN		
13 (Jika Rujukan Dalam) <input type="checkbox"/> JABATAN KECEMASAN <input type="checkbox"/> JPL HOSPITAL <input type="checkbox"/> KLINIK PAKAR <input type="checkbox"/> PAC / BERSALIN		29 JENIS DISCAJ : <input type="checkbox"/> BALIK KE RUMAH <input type="checkbox"/> ENGAR NASIHAT DOKTOR (DAMA) / DENGAN RISIKO SENDIRI (AOR) <input type="checkbox"/> TANPA KEBENARAN <input type="checkbox"/> DIPINDAH KE HOSPITAL LAIN (Nyatakan Nama Hosp): _____ <input type="checkbox"/> STEP UP CARE <input type="checkbox"/> SAME LEVEL CARE <input type="checkbox"/> STEP DOWN CARE <input type="checkbox"/> NOT APPLICABLE <input type="checkbox"/> MATI TARIKH : MASA :		
30 HEALTH FUNDING TYPE : _____ 31 HEALTH FUNDING TYPE NUMBER (Jika ada) : _____ 32 BILLING CATEGORY : _____				

GARIS PANDUAN
SISTEM KAWALAN KESELAMATAN BAYI DI HOSPITAL-HOSPITAL
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

LAMPIRAN A

BORANG DAFTAR MASUK DAN KELUAR HOSPITAL (samb.)

	KEMASUKAN	PINDAH I	PINDAH II	PINDAH III	DISCAJ
33 TARIKH :					
34 WAKTU :					
35 WAD :					
36 KELAS :					
37 a) DISIPLIN :					
b) KEPAKARAN :					
c) SUB-KEPAKARAN :					
38 a) PENGURUSAN RAWATAN :					
<input type="checkbox"/> SATU KEPAKARAN <input type="checkbox"/> PELBAGAI KEPAKARAN					
b) PASUKAN YANG MERAWAT					
i. _____	vi. _____				
ii. _____	vii. _____				
iii. _____	viii. _____				
iv. _____	ix. _____				
v. _____	x. _____				
39 JANGKAMASA PESAKIT TINGGAL:					
Rawatan Intensif (cth NICU/PICU/CCU/ICU dan lain-lain) <input type="text"/> hari					
40 DIAGNOSA (DIAGNOSIS)					41 NOMBOR KOD (ICD10) :
i) DIAGNOSIS UTAMA <i>(Disease Or Condition Directly Leading To Death)</i>					i)
ii) SEBAB-SEBAB KEMATIAN <i>(Cause Of Death)</i>					ii)
iii) SEBAB-SEBAB YANG MENYEBABKAN (UNDERLYING CAUSE) <i>(Disease or condition leading to death) DUE TO OR AS A CONSEQUENCES OF</i>					iii)
iv) DIAGNOSIS LAIN (CO-MORBIDITY, jika ada) <i>(Antecedent causes giving rise to the above cause) DUE TO OR AS A CONSEQUENCES OF</i>					iv)
v) DIAGNOSIS LAIN <i>(Antecedent causes giving rise to the above cause) DUE TO OR AS A CONSEQUENCES OF</i>					
a. DIAGNOSIS LAIN					a)
b. DIAGNOSIS LAIN					b)
c. DIAGNOSIS LAIN					c)
d. DIAGNOSIS LAIN					d)
e. DIAGNOSIS LAIN					e)
vi) DIAGNOSIS KOMPLIKASI (jika ada)					vi)
vii) SEBAB-SEBAB LUARAN KECEDERAAN & KERACUNAN (<i>External Causes Of Injury & Poisoning</i>)					vii)
viii) FAKTOR-FAKTOR LAIN YANG MEMPENGARUHI TAHAP KESIHATAN & KONTEK DENGAN PERKHIDMATAN KESIHATAN <i>(Other significant conditions contributing to the death, but not related to the disease or condition causing it)</i>					viii)
42 PEMBEDAHAN/ PROSEDUR :			43 JENIS PEMBEDAHAN	44 KELAS	45 NOMBOR KOD (ICD9CM):
i) PEMBEDAHAN/ PROSEDUR UTAMA					i)
ii) PEMBEDAHAN/ PROSEDUR LAIN					ii)
iii) PEMBEDAHAN/ PROSEDUR LAIN					iii)
iv) PEMBEDAHAN/ PROSEDUR LAIN					iv)
46 NAMA PEGAWAI PERUBATAN DAN NO. MMC			47 TANDATANGAN, TARIKH & COP JAWATAN		
48 NAMA PAKAR YANG MERAWAT DAN NO. MMC			49 TANDATANGAN, TARIKH & COP JAWATAN		
50 CATATAN					

ORIENTASI WAD PEDIATRIK DAN WAD OBSTETRIK

MAKLUMAT UNTUK IBU BAPA BAYI

1. MELAWAT

- i. Ibu bapa sahaja dibenarkan melawat bayi mereka di wad.
- ii. Sila bawa kad pengenalan setiap masa lawatan untuk memastikan identiti ibu bapa dan bayi adalah sama.
- iii. Ibu digalakkan memberi penyusuan ibu dan tinggal bersama bayinya.
- iv. Maklumat mengenai perkembangan bayi melalui telefon tidak digalakkan.
- v. Tidak dibenarkan membawa puting susu ke dalam wad.
- vi. Ibu bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada jururawat jika ibu mahu meninggalkan bayi untuk satu jangka masa yang pendek contohnya ke bilik air atau pergi membuat panggilan telefon.
- vii. Ibu perlu menandatangani surat akujanji yang membuktikan bahawa ibu faham akan orientasi yang diberikan oleh Jururawat Terlatih/Jururawat Masyarakat.

2. KEPERLUAN DISCAJ

- i. Hanya ibu atau bapa sahaja dibenarkan membawa bayi pulang.
- ii. Dokumen-dokumen penting (ASAL) wajib dibawa semasa discaj:
 - Kad Pengenalan Ibu
 - Kad Antenatal Ibu
 - Dokumen berkaitan untuk warganegara asing

PERHATIAN : Jika tidak membawa dokumen tersebut, bayi tidak dibenarkan pulang.

- iii. Wang untuk bayaran Caj Rawatan Hospital.
- iv. Pakaian bayi.
- v. Masa discaj tidak lewat daripada pukul 8.00 malam.

3. KEMATIAN

Keperluan semasa mengambil mayat:

- i. Kad Pengenalan Ibu atau Surat Beranak Bayi
- ii. Kain-kainan
- iii. Wang untuk bayaran Caj Rawatan Hospital

SENARAI SEMAK SISTEM KAWALAN KESELAMATAN BAYI DI HOSPITAL-HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA UNTUK PENGAWAL KESELAMATAN

Pengawal keselamatan yang bertugas di:

1. Pintu keluar wad

Pengawal bertugas di pintu keluar wad akan menyemak:

- i. Nama ibu di kad antenatal KIK 1(a)/96
- ii. Kad pengenalan ibu
- iii. Borang Pengenalan Discaj Bayi
- iv. Tag nama pada bayi adalah sepadan dengan didalam Borang Pengenalan Discaj Bayi
- v. Jantina bayi

2. Kaunter pintu utama hospital

Pengawal keselamatan hendaklah menyemak:

- i. Nama ibu di kad antenatal KIK 1(a)/96
- ii. Kad pengenalan ibu / passport
- iii. Borang Pengenalan Discaj Bayi
- iv. Tag nama pada ibu
- v. Tag nama bayi
- vi. Jantina bayi

Borang Pengenalan Discaj Bayi akan disimpan oleh pengawal sehingga dipungut oleh Jururawat Terlatih / Jururawat Masyarakat.

KUMPULAN KERJA GARIS PANDUAN SISTEM KAWALAN
KESELAMATAN BAYI DI HOSPITAL-HOSPITAL
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
EDISI KEDUA

Penasihat:

YBhg. Dato' Dr. Asmayani binti Khalib
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg. Dato' Dr. Mohd Azman bin Yacob
Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ahli-Ahli:

Dr. Nor Hayati binti Ibrahim
Timbalan Pengarah Kanan
Cawangan Perkembangan
Perkhidmatan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg. Dato' Dr. Mohd Rushdan bin Md Noor
Mantan Ketua Kepakaran O&G &
Pakar Perunding Kanan O&G
Jabatan O&G
Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar

YBhg. Datuk Dr. Wan Hazim bin Wan Ghazali
Ketua Kepakaran O&G &
Pakar Perunding Kanan O&G
Jabatan O&G
Hospital Putrajaya

Dr. Rafaie bin Amin
Pakar Perunding Kanan O&G
Jabatan O&G
Hospital Umum Sarawak

Dr. Jafanita binti Jamaludin
Ketua Penolong Pengarah Kanan & Ketua Unit
Unit Perkhidmatan O&G dan Pediatrik
Cawangan Perkembangan Perkhidmatan
Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Siti Nur Aishah binti Rahmat
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Perkhidmatan O&G dan Pediatrik
Cawangan Perkembangan Perkhidmatan
Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Mohamad Afiq Farhan bin Ahmad Safian
Ketua Penolong Pengarah
Unit Perkhidmatan O&G dan Pediatrik
Cawangan Perkembangan Perkhidmatan
Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Puan Siti Rahmah binti Hj Abdul Rashid
Ketua Jururawat
Unit Perkhidmatan O&G dan Pediatrik
Cawangan Perkembangan Perkhidmatan
Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Penghargaan

Bahagian Perkembangan Perubatan ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan secara tidak langsung dalam proses pengemaskinian **Garis Panduan Sistem Kawalan Keselamatan Bayi Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia Edisi Kedua** ini.



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

BAHAGIAN PERKEMBANGAN PERUBATAN

Blok E1, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya
Tel.: +603-8883 1047

www.moh.gov.my